

Lapan daerah di Johor terjejas

JOHOR BAHRU

- Dua lagi daerah di Johor turut dilanda banjir selepas enam daerah dilaporkan terjejas sehingga mencatatkan peningkatan mangsa banjir, berbanding kelmarin.



Pusat pemindahan juga telah bertambah kepada 77 daripada hanya 45 pusat kelmarin."

- Ayub

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, ia menjadikan semua lapan daerah terjejas akibat hujan lebat sejak tiga hari lalu kecuali Pontian dan Kulai.

Menurutnya, seramai 9,487 penduduk membabitkan 2,755 keluarga terjejas berbanding 3,226 mangsa daripada 865 keluarga yang dipindahkan kelmarin.

"Pusat pemindahan juga telah bertambah kepada 77 daripada hanya 45 pusat kelmarin.

"Daerah terlibat ialah Segamat dengan 7,113 mangsa, Kota Tinggi (986), Tangkak (830), Johor Bahru (56), Kluang (213); Mersing (111); Muar (167) dan Batu Pahat (11)," katanya.

Di KOTA BHARU, Kelantan, hujan berterusan di hulu negeri menyebabkan beberapa lokasi ditenggelami banjir dengan 71 mangsa dari 20 keluarga di tiga kawasan Gua Musang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan SK Limau Kasturi 2 yang dibuka jam 10 pagi semalam.

Menurut eBanjir Kelantan, sehingga jam 6 petang semalam, Seramai 622 mangsa dari 158 keluarga ditempatkan di tujuh pusat pemindahan di negeri ini melibatkan daerah Jeli, Gua Musang, Pasir Puteh, dan Kuala Krai.

Jeli mencatatkan bilangan mangsa paling ramai apabila 437 mangsa dari 109 keluarga ditempatkan di tiga pusat pemindahan yang dibuka jam 3 petang semalam.

Di Pasir Puteh pula, 44 mangsa dari lapan keluarga di Kampung Tasek pula masih menghuni pusat pemindahan SK Wakaf Raja yang dibuka hampir seminggu lalu.

Pusat pemindahan Madrasah Mesek yang dibuka sejak 22 Januari lalu pula masih menjadi tempat perlindungan bagi 14 mangsa banjir dari dua keluarga di Kuala Krai.

Sementara itu, paras air di Sungai Golok di Rantau Panjang mencatatkan bacaan 9.13 meter melepasi paras bahaya 9 meter.

Turut melepasi paras amaran ialah Sungai Kelantan di Tangga Krai dengan bacaan 25.28 meter (paras bahaya 25 meter).

Manakala paras air di Sungai Galas, di Dabong (37.65 meter melepasi paras amaran 35 meter), Sungai Lebir di Tualang (34.52 meter paras amaran 31 meter), Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard (15.41 meter 14 meter) dan Sungai Golok di Jenob (22.75 meter paras amaran 22.5 meter) melebihi paras amaran.

Selain itu, Sungai Kelantan di Tambatan Diraja pula melepasi paras berjaga apabila mencatatkan bacaan 3.10 (berjaga-jaga 3 meter).

Dalam pada itu, sebanyak 22 sekolah melibatkan 6544 pelajar dan 646 guru di lima daerah di negeri ini tidak dapat meneruskan sesi persekolahan hari ini berikutan terputus hubungan akibat hujan berterusan dan sekolah dinaiki air selain bagi menjamin keselamatan guru dan pelajar.

Lima jalan utama ditutup kepada semua kenderaan iaitu melibatkan Jalan Gua Musang- Jelawang- Dabong, Jalan Jirat, Jalan Bukit Sireh, Kampung Bedal, Kuala Nal, Jalan Batu Lada (jalan runtuh ekor hakisan tepi abutment), dan Jalan Pengkalan Kubor-Jeram Perdah.